

CNS1644

U GB 12-08 00158 BH400

aab

Mahathir - NATO (Bergambar)

PM PESIMISTIK TERHADAP NATO UNTUK BANTU BOSNIA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau kurang yakin negara-negara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) akan melaksanakan ancamannya untuk melakukan serangan udara terhadap puak Serb di Bosnia-Herzegovina.

Menurut Perdana Menteri beliau berkata demikian kerana pertubuhan itu telah beberapa kali gagal memenuhi ancaman mereka sebelum ini sehingga menyebabkan puak Serb kini memandang rendah terhadap keupayaan mereka dan menganggap segala ugutan sebagai tidak serius.

"Saya pesimistik dengan NATO," katanya ketika ditanya mengenai ancaman pertubuhan itu untuk menyerang kedudukan puak Serbia sebagai usaha menamatkan keganasan terhadap penduduk Bosnia.

Sebelum itu beliau telah merasmikan Minggu Jantung anjuran Yayasan Jantung Negara di sebuah kompleks membeli belah, di sini.

Kegagalan NATO itu, katanya, menyebabkan puak Serb terus bertindak sesuka hati mereka kerana negara-negara yang sering memperkatakan tentang keadilan tidak mampu menghalang mereka. -- Lagi

▼12/08/20-09MST

CNS1661

U GB 12-08 00141 BH403

aab

Mahathir - NATO 2 (akhir) Kuala Lumpur

"Jadi dia (Serb) akan buat juga. Dia akan bunuh! Dia akan rogol. Dia akan seksa orang kerana orang yang selalu bercakap tentang keadilan, bila tengok orang Serb buat semacam ini, dia tidak sanggup buat apa-apa."

Dalam hal ini, Perdana Menteri berharap Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Boutros-Boutros Ghali, yang diberikan kuasa untuk memutuskan sama ada serangan udara itu perlu dilakukan atau tidak, akan membuat keputusan untuk menyerang.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menghantar surat kepada pemimpin Britain, Amerika Syarikat, Jerman, Perancis dan Belgium, meminta supaya mereka bertindak segera bagi menamatkan keganasan terhadap rakyat Bosnia.

Di samping itu, katanya, kerajaan juga telah menghantar sepucuk surat yang serupa kepada Boutros Ghali.

"Itu sahaja yang kita boleh buat," katanya. -- Bernama

JO MAI